



Pelajar Tahun Satu Dedah Bahaya Kanser kepada Golongan Muda



Dato' Dr. Mohamad Satim Diman mendengar taklimat daripada penganjur tentang kempen tersebut.

SERDANG, 3 April – Seramai 600 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menyertai Kempen Sihat dan Bebas Kanser di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UPM baru-baru ini.

Program tersebut dianjurkan oleh pelajar tahun satu Bachelar Sains Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Pengajian Pendidikan UPM dengan kerjasama Laboration Pendidikan dan Perkhidmatan Kanser (CaEd Lab), Persatuan Kanser Network Selangor dan Wilayah Persekutuan (KanWork), Persatuan Kanser Malaysia dan Hospital Putrajaya.

Kempen sehari itu bertujuan memberi pendedahan kepada golongan muda mengenai penjagaan kesihatan, mencetuskan kepekaan mengenai kanser dan membangunkan komuniti sokongan dalam kalangan pelajar UPM.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah senamrobik, pameran kanser, pemeriksaan payu dara percuma dan forum kesihatan bersama doktor pakar (kanser paru-paru dan payudara).

Ahli Lembaga Pengarah UPM yang juga ADUN Seri Serdang, Dato' Dr. Mohamad Satim Diman berkata lebih daripada 20,000 kes kanser dilaporkan setiap tahun di Malaysia dan menjadi pembunuh nombor dua manusia di dunia selepas kemalangan jalan raya.

"Aktiviti fizikal khususnya bersenam perlu diamalkan sebagai satu rutin dalam kehidupan kita dalam usaha mempromosikan rakyat mengenai gaya hidup proaktif dan sihat," katanya ketika merasmikan majlis tersebut.

Beliau berkata negara membangun seperti Malaysia lebih berisiko mendapat kanser disebabkan faktor persekitaran dan makanan seseorang.

"Pemeriksaan dan pengesanan tanda-tanda awal kanser dapat mengurangkan kes kejadian kanser di kalangan rakyat Malaysia," katanya pada majlis yang turut dihadiri 20 orang pesakit yang terselamat daripada penyakit kanser.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Abu Bakar Salleh dan Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dr. Tai Shzee Yew.



Dato' Dr. Mohamad Satim Diman menderma kepada tabung kanser sambil diperhatikan oleh Prof. Dr. Tai Shzee Yew (kiri), Prof. Dr. Abu Bakar Salleh (tiga dari kiri) dan Prof. Dr. Ab. Rahim Bakar.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.